

Kod Etika. Panduan menyeluruh mengikut kemahuan Kumpulan Linde mengenai integriti di tempat kerja.

LeadIng.



THE LINDE GROUP



Kandungan

Mesej daripada Lembaga Eksekutif	04
1. Etika dan kepatuhan di dalam Kumpulan Linde	07
2. Talian Integriti Kumpulan Linde	10
3. Membuat keputusan beretika	14

4.

Berurusan dengan pelanggan, pembekal dan pasaran.....	16
4.1 Persaingan	16
4.2 Perdagangan antarabangsa	19
4.3 Berurusan dengan kerajaan	20
4.4 Produk kita	21
4.5 Pembelian beretika	22
4.6 Pengiklanan	23

5.

Berurusan dengan pemilik syer.....	25
5.1 Laporan kewangan dan komunikasi	25
5.2 Dagangan dalaman	26
5.3 Melindungi rahsia syarikat	28
5.4 Melindungi harta benda syarikat	30

6.

Berurusan dengan pekerja.....	33
6.1 Konflik kepentingan	33
6.2 Rasuah	34
6.3 Hadiah dan hiburan	35
6.4 Perlindungan data	36
6.5 Keselamatan, Kesihatan, Persekitaran dan Mutu (SHEQ)	37
6.6 Hak asasi manusia	38
6.7 Berurusan antara satu sama lain	39

7.

Berurusan dengan komuniti dan masyarakat awam.....	41
7.1 Tanggungjawab Korporat	41
7.2 Kegiatan politik	42

Lembaga Eksekutif

Rakan kerja sekalian,

Banyak faktor menyumbang kepada kejayaan kita. Antaranya adalah skop dan mutu produk dan projek kita dan juga usaha kita untuk 'Memimpin'.

Faktor-faktor lain yang lebih sukar dinilai tetapi tidak kurang pentingnya, mentakrifkan siapa kita dan bagaimana kita dilihat sebagai Kumpulan Linde.

Salah satu aset Kumpulan Linde yang paling bernilai adalah reputasi kita yang tidak berkompromi dalam hal etika. Ini sememangnya pasti dan akan berterusan sebagai hasil kelakuan kita sama ada ketika waktu kerja atau sebaliknya.

Kod Etika ini akan membantu memimpin anda di dalam menempuhi alam perniagaan yang kian rumit sejak kebelakangan ini. Malah kod ini juga mengandungi panduan mengenai apa yang perlu anda lakukan agar mematuhi undang-undang dan peraturan. Ia juga menyentuh nilai dan prinsip kita iaitu keselamatan, integriti, berkekalan dan kehormatan. Amalan nilai tersebut akan membantu kita berpegang kepada lesen untuk beroperasi sebagai majikan, pembekal dan syarikat milikan awam.

Dengan kerjasama anda sekalian, Kumpulan Linde akan terus mengekalkan reputasi baiknya dengan mendapatkan penghormatan daripada semua pemegang kepentingan dan komuniti di mana kita hidup dan bekerja.

Munich, Jan 2008



Professor Dr
Wolfgang Reitzle



Dr Aldo Belloni



Georg Denoke



J. Kent Masters

Professor Dr Wolfgang Reitzle

Dilahirkan pada tahun 1949

Ijazah kedoktoran bidang

Kejuruteraan (Dr.-Ing.)

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tanggungjawab:

Bahagian Gist, Perhubungan Fungsi Tengah &

Hal Ehwal Pelabur, Pasukan Perkhidmatan

Maklumat, Pasukan Sumber Manusia,

Pasukan Perundangan, Audit Dalaman,

SHEQ, Six Sigma, Strategi Korporat,

Pengurusan Inovasi

Ahli Lembaga Eksekutif semenjak tahun 2002

Dr Aldo Belloni

Dilahirkan pada tahun 1950

Ijazah kedoktoran Kejuruteraan Kimia (Dr.-Ing.)

Tanggungjawab:

Unit Perniagaan Kawasan Eropah, Timur

Tengah, China Besar, Asia Tenggara,

Bahagian Kejuruteraan, Unit Perniagaan

Sedunia, Tonnage (Di Tapak),

Gas Elektronik Kawasan Perniagaan

Ahli Lembaga Eksekutif semenjak tahun 2000

Georg Denoke

Dilahirkan pada tahun 1965

Ijazah Sains Maklumat

Ijazah Pentadbiran Perniagaan

Tanggungjawab:

Fungsi Pusat Kumpulan Perakaunan & Laporan,

Operasi FiCo (Kawalan Kewangan)/

Pelaburan, Pemerolehan, Perbendaharaan

Kumpulan, Penggabungan & Pengambilalihan,

Perkembangan & Pencapaian,

Pengurusan Risiko & Insurans, Cukai

Ahli Lembaga Eksekutif semenjak tahun 2006

J. Kent Masters

Dilahirkan pada tahun 1960

Tanggungjawab:

Unit Perniagaan Kawasan

Amerika dan Afrika, Pasifik Selatan,

Kesihatan Unit Perniagaan Global,

Kawasan Perniagaan Banyak-Banyak

dan Gas Pakej & Produk

Ahli Lembaga Eksekutif sejak 2006



Kod Etika Linde dirancang untuk melambangkan kehendak kumpulan utama pemegang kepentingan. Setiap pekerja Linde hendaklah memahami dan mengikuti piawaian dan undang-undang yang berkenaan dengan tugas masing-masing. Linde akan sentiasa aktif memantau taraf piawaian yang dinyatakan di dalam kod.

1.

Etika dan kepatuhan di dalam Kumpulan Linde

Latarbelakang Syarikat

Kumpulan Linde adalah syarikat gas dan kejuruteraan “yang memimpin” dengan lebih daripada 50,000 kakitangan dalam 100 negeri di seluruh dunia. Strategi Kumpulan Linde adalah lebih menjurus kepada pendapatan berdasarkan perkembangan dan menfokuskan kepada perkembangan di dalam perdagangan antarabangsa melalui produk dan perkhidmatannya yang memandang ke hadapan.

Erti kod bagi setiap kakitangan?

Setiap pekerja wajib menggunakan kod ini sebagai rujukan utama, memahami dan mematuhi piawaian dan undang-undang yang boleh diaplikasikan dengan tugas masing-masing. Kod ini boleh diaplikasikan kepada semua pekerja, pengarah dan pegawai. Linde akan berusaha untuk mempengaruhi dan menggalakkan rakan kongsi perniagaannya untuk menerima piawaian yang dinyatakan di dalam kod ini. Piawaian kod ini mesti dilaksanakan dalam semua operasi perdagangan kita.

Kod ini tidak mengubah mana-mana terma dan syarat-syarat pekerjaan dengan Linde. Malah, kod ini membantu kita memahami apa yang perlu dilakukan untuk memastikan kelakuan kita sentiasa bertanggungjawab dan berintegriti. Linde akan sentiasa aktif memantau piawaian yang dinyatakan di dalam kod. Kegagalan mematuhi piawaian yang dinyatakan di dalam kod ini akan membawa kepada tindakan disiplin, termasuk pemecatan, dan juga akan membawa kepada tindakan undang-undang jenayah atau sivil.

Mengapa Linde perlu ada kod?

Piawaian yang ditetapkan di dalam kod ini membolehkan Linde mengendalikan hubungannya dengan pelanggan, pembekal, kerajaan, perniagaan lain, persekitaran dan orang awam. Piawaian ini memberikan panduan jelas mengenai bagaimana cara kita dihendaki bertindak ketika menempuhi sesuatu keadaan yang tertentu dan memastikan reputasi Linde akan dipertahankan dan diperkukuhkan. Kegagalan mematuhi Kod Etika Linde ini akan menyebabkan organisasi dan para pekerja terdedah kepada bahaya yang serius – kepada perniagaan, persekitaran, orang awam dan reputasi walaupun kita telah bertungkus-lumus untuk mendapatkannya. Kita mungkin juga terdedah kepada hukuman atau kemungkinan individu dipenjarakan di atas kes salah laku yang serius. Tindakan bertanggungjawab sangat penting dan memerlukan perhatian yang amat teliti disebabkan persekitaran korporat yang sering berubah.

Bagaimana Linde mengekalkan kod?

Kod Etika Linde mesti menguruskan risiko secara berkesan bagi semua perniagaan dan kawasan di dalam Kumpulan Linde. Untuk mengurus risiko dengan berkesan, kod harus dijadikan sebagai rujukan utama kepada semua pekerja. Untuk menjadikan kod sebagai rujukan utama, kod mesti dikekalkan di dalam semua perniagaan kita. Untuk berbuat demikian, Linde berhasrat menjalankan program pengekalan kod. Linde akan sentiasa berusaha untuk mengekalkan kod ini dan akan memberikan latihan berkenaan isu-isu etika dan perundangan. Program ini dirancang untuk mengekalkan kesahihan kod dan memastikan ia sentiasa terkini pada bila-bila masa.

Adakah kod ini merangkumi semua piawaian, polisi dan amalan Linde?

Kod ini tidak dapat menjelaskan secara terperinci bagi setiap satu polisi, piawaian atau amalan Linde yang mungkin berkenaan. Walaubagaimanapun garis panduan atau piawaian yang lebih terperinci untuk menjelaskan kod ini atau bagaimana mencari maklumat terperinci itu ada dijelaskan di dalam kod itu sendiri. Garis panduan, piawaian, polisi atau sumber maklumat yang dirujuk di dalam kod ini adalah bukan dari sebahagian daripada kod itu sendiri.

Bagaimanakah kod ini diatur?

Kod Etika Linde ini dirancang untuk membayangkan kehendak kumpulan pemegang kepentingan utama kita. Pemegang kepentingan kita adalah orang yang mempunyai kepentingan berterusan dalam syarikat kita. Pelanggan, pembekal dan pasaran – pelanggan yang berpuas hati dan merasakan difahami; pembekal yang menghargai kita kerana kita mahukan kualiti, namun adil; dan pasaran, di mana kita memainkan peranan yang penting. Pemilik syer – yang mahu organisasi kita memaksimumkan nilai pelaburan mereka. Pekerja – yang bekerja dengan penuh minat dan berbangga kerana mereka dapat merasakan cabaran dan dihargai. Komuniti – di mana kita memainkan peranan praktikal dan positif.

Adakah wujud piawaian yang lebih tinggi bagi pengurus?

Mereka yang memegang peranan di dalam pengurusan atau penyeliaan bergantung kepada fungsi di dalam organisasi dan tugas kerja, adalah dihendaki:

- Menyokong dan menggalakkan persekitaran kerja di mana kelakuan beretika diiktiraf, dinilai dan dijadikan teladan.
- Memastikan pekerja dan pasukan memahami dan mematuhi kod dan mempunyai sumber untuk berbuat demikian.
- Membantu pekerja yang bertanya soalan sehingga menimbulkan kerisauan mereka mengenai soalan etika.
- Memantau dan melaksanakan piawaian yang telah ditetapkan di dalam kod.
- Menjadikan teladan yang baik dan menggalakkan yang lain berbuat demikian.

Syarikat yang mana perlu mengikuti kod?

Semua syarikat dan anak syarikat kumpulan dan semua syarikat yang dikawal oleh Linde atau pengurusannya dikawal oleh Linde mesti mengikuti Kod Etika Linde. Jika syarikat bergabung yang di mana Linde tiada kawalan, Linde akan berusaha mempengaruhi dan menggalakkan rakan usahanya bersama untuk menerima piawaian yang telah ditetapkan oleh Kod Etika Linde.

Adakah kod merangkumi undang-undang tempatan?

Linde menjalankan perniagaan di seluruh dunia dan ini bermaksud kakitangannya tertakluk kepada undang-undang dinegara masing-masing di mana mereka beroperasi. Kod menetapkan piawaian yang minima mengenai cara bekerja yang dihendaki di dalam Linde. Di mana wujud undang-undang tempatan atau polisi-polisi Linde yang lain yang di mana lebih tegas daripada kod kita, undang-undang tempatan atau polisi ini akan diaplikasikan. Jika anda tidak jelas tentang mana-mana undang-undang atau polisi yang berkenaan dengan anda atau tugas anda, sila berbincang dengan pengurus anda atau bahagian perundangan.

Polisi tanpa pembalasan balik

Linde tidak akan bertoleransi dan melarang sama sekali pembalasan balik terhadap sesiapa yang berniat ikhlas melaporkan sebarang isu.

Nilai


Kod Etika Linde direka untuk membina dan menguatkan integriti etika di antara kesemua pekerja dan pengarahnya. Dalam hal ini, Kod Etika menyokong wawasan korporat Linde serta nilai dan prinsipnya.

2.


Talian Integriti Kumpulan Linde

Ketika bekerja di Kumpulan Linde, mungkin timbul keadaan di mana pekerja mempunyai kemusykilan mengenai tugas masing-masing atau perniagaan syarikat. Di dalam keadaan sebegini, pekerja digalakkan berkongsi dan berbincang isu tersebut dengan pengurus sebelum mempertimbangkan cara lain untuk menyelesaikan kemusykilan mereka. Jika tidak dapat berkongsi atau berbincang dengan pengurus maka bolehlah membangkitkan kemusykilan mereka melalui Talian Integriti Kumpulan Linde. Talian Integriti Kumpulan Linde seperti yang dijelaskan di bawah ini merupakan sebahagian yang perlu ada di dalam etika dan kepatuhan di dalam Linde dan cara bagaimana kemusykilan atau tuduhan dapat diutarakan oleh pemegang kepentingan dalaman dan luaran Kumpulan Linde.

Talian Integriti Kumpulan Linde



Talian Integriti Kumpulan Linde akan beroperasi di kawasan kuasa undang-undang atau perniagaan masing-masing, setelah mempertimbangkan semua keperluan perundangan yang perlu dan proses pengesahan yang dimestikan oleh undang-undang tempatan yang berkenaan. Anda akan diberitahu bila dan bagaimana Talian Integriti Kumpulan Linde akan diperkenalkan dan dikelolakan dalam organisasi anda. Talian Integriti ini akan dikendali bersama-sama oleh Jawatankuasa Integriti Linde yang merangkumi wakil-wakil Kumpulan daripada Perhubungan Korporat, Sumber Manusia, Audit Dalaman dan Perundangan.



Kakitangan yang ingin mengajukan soalan, memerlukan nasihat atau ingin melaporkan peristiwa yang (mungkin) menyalahi Kod Etika Kumpulan Linde hendaklah mengajukannya kepada pengurus atau penyelia. Jika kesalahan (mungkin) melibatkan penyelia atau pengurus, pekerja tersebut bolehlah mengutarakannya kepada pengurus yang lain atau dengan Sumber Manusia, Audit Dalaman atau Wakil Perundangan.

Sekiranya di atas sebab-sebab tertentu di mana kakitangan tidak dapat menimbulkan kemusykilannya kepada pengurus atau dengan sesiapa sahaja yang lain atau petugas yang lain yang seperti di atas, mereka masih boleh mengajukannya dalam tempoh 24 jam sehari, 7 hari seminggu melalui Talian Integriti di dalam bidang perakaunan, kawalan perakaunan dalaman, hal-hal audit, bayaran yang tidak wajar dan kesalahan perbankan dan kewangan, di mana bukan sahaja kepentingan entiti Linde tempatan tetapi beberapa entiti Linde tempatan atau keseluruhan Kumpulan Linde terganggu. Berikut adalah beberapa cara melakukannya:

- Melalui jaringan portal yang direka khas untuk menerima sebarang kemusykilan.
- Melalui Talian Integriti iaitu talian telefon yang dapat dihubungi di seluruh dunia yang dikendalikan oleh syarikat pihak ketiga yang menguruskan panggilan bagi Kumpulan Linde.
- Melalui e-mel kepada inbox sulit ekatujuan dikendalikan oleh Faksilitator Kepatuhan Linde – integrity@linde.com.
- Melalui pos biasa yang ditanda khas untuk perhatian Faksilitator Kepatuhan – Klosterhofstrasse 1, 80331 Munich, Germany.
- Melalui talian faks +49.89-35757-1003.

Walaupun bagaimanapun, cara-cara persoalan, mendapatkan bantuan atau melaporkan peristiwa adalah tidak semestinya terhad kepada yang tertera di atas. Pekerja mempunyai kebebasan mengutarakan persoalan, mendapatkan bantuan atau melaporkan peristiwa dengan apa cara sekalipun yang difikirkan wajar. Setelah kemusykilan diterima ianya akan direkodkan di dalam database sulit ekatujuan, diberikan nombor pengenalan unik dan tindakan akan diambil oleh Faksilitator Kepatuhan Linde.

Ini akan dilaksanakan selaras dengan proses yang berkenaan yang dirancang bagi memastikan bahawa semua kemusykilan dilayan dengan adil, diselesaikan dengan cepat dan diberitahu dengan kaedah yang wajar. Semua kemusykilan yang dilaporkan kepada Faksilitator Kepatuhan akan dilayan selaras dengan undang-undang perlindungan data. Linde tidak akan bertoleransi dengan pembalasan balik terhadap mana-mana kemusykilan yang dilaporkan dengan niat yang ikhlas.



Linde percaya bahawa hubungan perdagangan berdasarkan sikap berterus-terang dan amanah, di mana kedua-dua pihak bersama-sama mendapat faedah, akan membawa kepada perkembangan dan kemakmuran kepada pelanggan, pembekal dan pasaran.



3. Membuat keputusan beretika

Dalam sesetengah keadaan, walaupun Kod Etika Linde memberi sedikit sebanyak panduan mengenai isu yang tertentu, anda mungkin kurang jelas akan keputusan yang perlu dibuat. Di dalam keadaan sebegini anda seharusnya cuba berbincang dengan pengurus bahagian atau penyelia.

Rajah yang berikut menetapkan pertimbangan yang dianggap dapat membantu di dalam membuat keputusan. Ini tidak merangkumi keseluruhannya. Sekiranya anda ingin mengetahui dengan lebih lanjut, bolehlah merujuk kepada bahagian perundangan yang senantiasa bersedia memberikan penjelasan yang lebih mendalam.

Linde percaya bahawa hubungan perdagangan berdasarkan sikap berterus-terang dan amanah, di mana kedua-dua pihak bersama-sama mendapat faedah, akan membawa kepada perkembangan dan kemakmuran bagi pelanggan, pembekal dan pasaran. Linde sentiasa berusaha memahami keperluan pelanggannya dan pihak ketiga yang lain.

Linde juga akan berlaku adil, saksama dan jujur, serta berdaya saing setiap masa sambil mematuhi undang-undang.

Apabila isu etika timbul sila rujuk rajah berikut sebagai garis panduan:



Sedar bahawa pertama kalinya anda menghadapi isu etika ini

Adakah anda diminta melakukan sesuatu yang anda anggap melakukan kesalahan?

Adakah anda sedar mengenai kelakuan rakan sekerja, pelanggan atau pembekal yang mungkin menyalahi di sisi undang-undang atau tidak beretika?



Fikir sebelum bertindak

Rumuskan perkara yang anda percaya dan sedang hadapi.

Adakah ia jelas atau tidak?

Tanya diri sendiri, mengapa ini merupakan masalah?

Pertimbangkan apa pilihan yang anda ada.

Lihat semua fakta dan pertimbangan yang berkenaan.

Mungkinkah orang lain dipengaruhi?

Minta panduan daripada pengurus.



Memutuskan tindakan yang perlu diambil

Baca semula Kod Etika

Adakah wujud pertimbangan undang-undang atau kewangan?

Nilaikan risiko dan bagaimana mengurangkannya.

Setelah membuat keputusan:



Pertimbangkan akibat daripada dakwaan anda

Adakah anda senang hati menjelaskan apa yang anda lakukan kepada pengurus, rakan sekerja, keluarga dan sahabat tanpa rasa malu atau segan?

Adakah Kumpulan Linde selesa jika keputusan anda terpapar di surat khabar?

Sebagai pekerja syarikat antarabangsa, bagaimana keputusan anda akan dilihat dari segi global.

Adakah keputusan anda masih sama?



Teruskan

Beritahu keputusan dan rasional anda dengan kaedah yang sesuai.

Pastikan perubahan dibuat mengikuti tatacara operasi piawai yang berkaitan.

4.

Urusan dengan pelanggan, pembekal dan pasaran

4.1 Persaingan

Isu

- Undang-undang persaingan atau “anti-trust” digubal bagi melindungi persaingan bebas dan adil dan bagi memastikan kepentingan utama pengguna dipelihara.
- Undang-undang tersebut berkuatkuasa di setiap negara yang di mana Linde mempunyai kepentingan perniagaan dan sesetengah undang-undang berkuatkuasa merentangi sempadan kawasan kuatkuasa.

Panduan

- Linde menyokong persaingan yang kuat, sah di sisi undang-undang serta beretika, dan akan mengikuti semua undang-undang persaingan atau “anti-trust” di mana Linde menjalankan perniagaan.

Maklumat lanjut

- Perbuatan anti-persaingan, seperti merancang perjanjian yang melanggar undang-undang akan mendatangkan akibat yang teruk seperti:
 - Denda sehingga 10 % daripada pulangan kumpulan global
 - Hukuman penjara bagi individu yang melakukan kesalahan mengatur harga
 - Pelanggan boleh mengambil tindakan peribadi terhadap syarikat untuk menuntut ganti rugi
 - Menjejaskan reputasi syarikat, yang boleh mempengaruhi harga saham syarikat
- Kesalahan walaupun tidak sengaja boleh juga dikenakan hukuman.

Mana-mana kesalahan di sisi undang-undang persaingan tidak akan diterima oleh Kumpulan Linde.

Apabila anda menghadapi sebarang keraguan mengenai isu undang-undang persaingan, anda seharusnya berbincang dengan bahagian perundangan anda.

CONTOH // Perniagaan anda mempunyai pasaran yang kuat di kawasan anda. Anda sememangnya mahu meningkatkan pasaran anda dengan mengakibatkan kerugian kepada pesaing terdekat. Anda mengemukakan cadangan kepada pengurus anda iaitu dengan sengaja menurunkan harga agar dapat menjatuhkan pesaing anda daripada pasaran. Suatu pagi, anda membincangkan cadangan ini dengan rakan sekerja anda ketika bersarapan pagi. Dia berpendapat yang ini adalah rumit dan anda harus memastikan bahawa cadangan anda sah di sisi undang-undang. Apa yang harus anda lakukan?

→ Anda harus merujuk kepada bahagian perundangan. Di mana sesebuah syarikat yang mempunyai pasaran yang kuat, ini mungkin dikira dari segi perundangan sebagai berpengaruh di pasaran tersebut. Ini bermakna syarikat akan menghadapi lebih banyak kewajipan berkaitan dengan cara beroperasi dalam pasaran. Khususnya syarikat perlu berjaga-jaga dalam hal harga produk. Dalam keadaan ini, anda harus berwaspada dalam penggunaan kekuatan pasaran untuk mengenakan pesaing kerana ini mungkin dikira sebagai penyalahgunaan pengaruh oleh pihak berkuasa.

CONTOH // Ketika perjumpaan persatuan pedagang, seorang wakil pesaing berjumpa anda sambil mengemukakan idea untuk berkongsi maklumat mengenai kenaikan harga. Patutkah anda berkongsi maklumat ini?

→ Tidak. Berbual dengan pesaing boleh dianggap sebagai bersubahat dengan mereka untuk merosakkan pasaran. Jadi anda mesti sentiasa berjaga-jaga mengenai percakapan anda atau bertukar maklumat dengan pesaing. Dalam keadaan sebegini, berkongsi maklumat harga boleh dilihat sebagai menyalahi undang-undang persaingan secara langsung. Anda seharusnya menolaknya dengan cara profesional dan simpan rekod ini untuk menunjukkan bahawa anda menolak pelawaannya.



Linde sentiasa berusaha memahami keperluan pelanggannya, pembekalnya dan pihak ketiga yang lain. Linde akan juga membawa dirinya dengan adil, saksama dan jujur, serta berdaya saing setiap masa sambil mematuhi undang-undang.

4.2 Perdagangan Antarabangsa

Isu

- Setiap negara mengawal cara produk dieksport dan diimport. Peraturan kawalan eksport tersebut digunakan apabila berurusan dengan pihak ketiga dan antara syarikat berkaitan, dan juga digunakan merentasi sempadan antarabangsa.
- Sesetengah produk, perisian (software) dan maklumat tidak boleh dieksport secara langsung atau tidak ke negara tertentu.

Panduan

- Linde akan mematuhi dan menyokong semua undang-undang dan peraturan yang mengawal cara syarikat mengeksport dan mengimport produk, perkhidmatan dan maklumat ke mana-mana bahagian di dunia.
- Kumpulan Linde akan mewujudkan dan mengekalkan program kepatuhan perdagangan.

Maklumat Lanjut

- Menjalankan perniagaan di negara, individu atau pertubuhan yang dikenakan larangan tertakluk kepada sekatan atau mungkin dilarang sama sekali.
- Pesalah mungkin dikenakan hukuman berat, termasuk denda dan di dalam kes individu, mungkin akan dipenjarakan.

CONTOH // Anda berhadapan dengan pelanggan yang mahu mengeksport komponen perkilangan ke negara yang dikenakan sekatan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Mereka mahu bergerak pantas dan menyiapkan pesanan dalam masa beberapa hari yang akan datang, oleh itu mereka bertanya jika anda boleh memastikan masa pemrosesan kertas kerja pesanan dan invoice dapat dilakukan seminima yang mungkin. Apa yang harus anda lakukan?

→ Sekatan Bangsa-Bangsa Bersatu serta undang-undang negara tersebut yang mengenakan sekatan tersebut mungkin menetapkan lesen eksport mesti diperolehi sebelum penghantaran, atau melarang sama sekali sebarang penghantaran bergantung pada ciri-ciri produk, identiti pelanggan, penggunaan akhir dan negara penggunaan akhir produk. Anda seharusnya menghubungi bahagian perundangan sebelum memberi jawapan kepada bakal pelanggan.

4.3 Berurusan dengan kerajaan

Isu

- Perhatian khusus mesti diambil apabila:
 - berurusan dengan kerajaan sebagai pelanggan atau
 - berurusan dengan pengatur kerajaan.
- Hukuman berat boleh dikenakan kepada sesiapa yang melanggar peraturan sebegini.

Panduan

- Kakitangan Linde mesti berwaspada supaya tidak mendedahkan Linde kepada risiko yang tidak berkaitan ketika urusan sebegini.
- Semua maklumat yang dibekalkan kepada kerajaan, sama ada sebagai pelanggan atau pengatur mesti benar, tepat dan melindungi kepentingan Linde yang sah secara berkesan.
- Bahagian perundangan anda boleh memberi panduan terhadap hubungan anda dengan mana-mana pengatur kerajaan.

CONTOH // Anda menerima surat daripada kerajaan yang meminta Kumpulan Linde membekalkan maklumat tertentu dalam tempoh masa yang dinyatakan.

Apa yang harus anda lakukan?

→ Linde pada kebiasaannya berusaha menepati permintaan kerajaan dari segi maklumat. Anda seharusnya terus memberitahu pengurus bahagian anda mengenai surat yang anda terima atau hubungi bahagian perundangan anda untuk mengetahui bagaimana mengendalikan permintaan tersebut.

4.4 Produk Kita

Isu

- Kebanyakan produk Linde dikawal ketat, terutamanya kerana digunakan di dalam industri atau bidang seperti kesihatan.

Panduan

- Linde mewujudkan penyelesaian inovatif dan menghasilkan produk canggih yang memenuhi keperluan individu pelanggan kita.
- Linde menyelidik, mewujudkan dan bekerja untuk mendatangkan kebaikan kepada individu yang menggunakan produk kita.
- Linde berusaha memastikan produk kita dibuat mengikut piawaian tertinggi berkaitan dengan keselamatan, kesihatan, persekitaran dan kualiti (SHEQ*).

Maklumat lanjut

- Untuk maklumat lanjut mengenai kawalan produk perubatan atau mengenai SHEQ, sila lawati halaman intranet.

CONTOH // Anda mengetahui Kumpulan Linde mungkin membekal gas industri yang belum dilesenkan dengan cara yang betul. Apa yang harus anda lakukan?

→ Anda harus menghubungi pengurus anda dengan segera dan berbincang sama ada anda patut menghubungi pihak SHEQ atau pengurus keselamatan kesihatan untuk memastikan lesen yang sepatutnya diperolehi.

4.5 Pembelian beretika

Isu

- Pembekal Linde memainkan peranan yang penting terhadap kebolehannya beroperasi dan membekalkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan.
- Pelaksanaan kerja beretika pembekal Linde perlu dinilai dengan teliti oleh pemegang kepentingan luaran kita dan boleh memberi kesan terhadap bagaimana Linde dilihat.

Panduan

- Linde akan memilih pembekal dengan berhati-hati berdasarkan kecemerlangan.
- Linde akan memastikan pembekalnya mengikut keperluan undang-undang dan berkelakuan mengikut ketetapan Kod Etika Linde.
- Linde mengharapkan pembekalnya aktif bekerjasama dalam mencapai matlamat polisi SHEQ.

CONTOH // Anda mengetahui pembekal tiada sistem pengurusan sisa dan boleh menyebabkan kemungkinan terjadinya kebocoran bahan berbahaya.

Apa yang harus anda lakukan?

→ Bincangkan kebimbangan anda dengan pengurus bahagian anda dan hubungi pengurus pemerolehan yang bertanggungjawab untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa secepat mungkin. Anda juga harus mempertimbangkan untuk berbincang perkara ini dengan pihak SHEQ.

4.6 Pengiklanan

Isu

- Reputasi Linde adalah amat penting.
- Untuk memastikan kepercayaan pelanggan, aktiviti pemasaran, pengiklanan dan jualan mesti menjelaskan perkhidmatan dan tawaran kita dengan cara yang sah di sisi undang-undang, adil dan jujur.
- Tanda perniagaan Linde mesti digunakan secara berterusan dan berpatutan untuk mengelakkan kehilangan hak kita di sisi undang-undang.

Panduan

- Jika pelanggan ingin menggunakan nama atau logo Linde dalam pengiklanan mereka, ini mesti diluluskan oleh bahagian perhubungan di tahap kawasan atau Kumpulan.
- Semua pengiklanan dan promosi rasmi mesti diluluskan oleh Perhubungan Korporat atau pengurus perhubungan kawasan.
- Amalan kerja yang palsu, mengelirukan atau tidak boleh dipercayai dilarang sama sekali.

CONTOH // Anda mengetahui kempen iklan yang membuat dakwaan palsu terhadap produk Linde serta memperkecilkan produk pesaing dengan cara yang mengelirukan. Apa yang harus anda lakukan?

→ Hubungi bahagian perhubungan di tahap korporat untuk panduan.



Pemegang saham Linde mengharapkan organisasi kita memaksimalkan nilai pelaburan mereka. Linde sentiasa berhati-hati dalam menggunakan sumber dan asetnya dan bersikap terbuka, tepat dan telus mengenai pengoperasian, prestasi dan bagaimana ianya dilaporkan.

5.

Berurusan dengan pemilik syer

5.1 Laporan kewangan dan komunikasi

Isu

- Pemegang saham, penganalisa kewangan, pemiutang, peminjam dan orang awam yang bergantung pada Linde untuk membekal maklumat mengenai operasi, prestasi dan masa depan syarikat.
- Kredibiliti Linde diukur secara khususnya oleh ketulusan buku-bukunya, penyimpanan rekod dan laporan kewangan.
- Kegagalan menyimpan rekod yang tepat dan lengkap boleh dianggap sebagai kewangan yang tidak mengikut peraturan atau penipuan.

Panduan

- Linde akan melaksanakan dan mengekalkan kawalan perniagaan yang berkesan untuk memastikan laporan kewangan mempunyai asas kukuh sebagai permulaan.
- Setiap kakitangan Linde yang berkenaan mesti membantu untuk memastikan pelaporan maklumat perniagaan – berkomputer, atas kertas atau dalam mana-mana format lain – adalah tepat, jujur dan terkini.
- Linde akan memberi peluang yang sama kepada semua orang awam untuk mendapatkan maklumat yang sama dan tepat.
- Sebarang pertanyaan daripada komuniti pelaburan mesti dihantar kepada Hal Ehwal Pelabur. Kakitangan tidak harus menjawab soalan daripada komuniti pelabur atau media massa.

CONTOH // Hasil akhir tahun kumpulan anda melebihi belanjawan. Satu unit peralatan baru akan dibeli dan dihantar pada awal Januari Tahun baru. Pengurus loji bertanya sama anda invoice peralatan boleh dibayar daripada belanjawan tahun ini. Adakan ini dibenarkan?

→ Status belanjawan tidak relevan. Di mana barangan atau perkhidmatan belum lagi diterima atau dibekalkan, liabilitinya ni tidak boleh diiktiraf.

5.2 Dagangan dalaman

Isu

- Undang-undang dagangan dalaman menghalang individu daripada menjalankan perdagangan untuk kepentingan sendiri atau orang lain berdasarkan maklumat berkaitan yang diperolehi lebih awal daripada pasaran.
- Dagangan dalaman lazimnya terjadi apabila orang dalam syarikat atau pihak yang berkaitan mendagangkan saham atau sekuriti lain berasaskan bahan atau maklumat bukan-awam yang diperolehi melalui perbuatan orang dalam syarikat, dicuri atau disalahgunakan.

Panduan

- Linde berpegang teguh untuk menyokong pasaran sekuriti (ekuiti atau stok) yang adil dan terbuka di seluruh dunia.
- Kakitangan Linde, seperti semua individu lain, dilarang mendagangkan syer atau sekuriti lain kepunyaan Linde, mana-mana syarikat milikan awam di kalangan Kumpulan Linde, atau mana-mana syarikat yang lain, berdasarkan "maklumat dalaman" yang diperolehi melalui pekerjaan mereka.

CONTOH // Abang anda memiliki sejumlah saham Kumpulan Linde dan anda tahu dia sedang memikirkan untuk menjualnya. Anda mengetahui hasil perolehan suku tahunan Kumpulan Linde yang akan diumumkan adalah sangat baik. Anda mahu memberitahunya supaya jangan menjual sahamnya sehingga selepas pengumuman hasil perolehan suku tahunan. Apa yang harus anda lakukan?

→ Semua yang anda tahu mengenai hasil perolehan suku tahunan yang akan datang dianggap sebagai maklumat sulit dan sensitif harga oleh semua pengatur kewangan. Anda mesti jangan sama sekali mendedahkan maklumat sebegini kepada sesiapa sahaja di luar Kumpulan Linde. Jika anda memberitahu abang anda, pemberitahuan ini boleh dianggap sebagai kesalahan jenayah yang akan membawa keburukan bukan sahaja kepada anda tetapi juga abang anda dan Kumpulan Linde.

CONTOH // Anda bekerja di bawah projek yang memberi anda peluang memperoleh maklumat kewangan secara terperinci mengenai keputusan kumpulan yang akan datang. Kebiasaannya anda tiada kebenaran untuk mendapatkan maklumat ini. Anda tahu tiada sekatan yang menghalang anda mendagangkan saham Linde, namun disebabkan maklumat yang anda ada sekarang anda rasa gelisah dan bimbang sama ada boleh mendagangkan saham Linde. Apa yang harus anda lakukan?

→ Anda harus merujuk kepada bahagian perundangan mengenai perkara ini dan elakkan daripada menjalankan transaksi saham sehingga anda telah berbincang. Maklumat yang anda ada sekarang besar kemungkinan bermaksud anda dikenakan sekatan terhadap perdagangan saham Linde.

5.3 Melindungi rahsia syarikat

Isu

- Harta benda intelektual Linde merupakan kelebihan persaingan.
- Maklumat sulit Linde amat penting bagi kejayaan syarikat.
- Produk dan penyelesaian inovatif penting bagi perkembangan berterusan Linde.
- Linde menghasilkan idea, strategi dan maklumat perniagaan yang bernilai dan bukan untuk awam, sebagai contohnya harta benda intelektual miliknya yang perlu dilindungi.
- Menyalahgunakan maklumat sulit pihak ketiga boleh mendedahkan Linde dan pekerjaanya kepada risiko.
- Pelbagai undang-undang melindungi maklumat sulit.

Panduan

- Pekerja harus mengambil langkah yang mencukupi bagi melindungi maklumat sulit Linde yang dimiliki.
- Linde tidak akan menggunakan maklumat sulit yang ada untuk syarikat lain.
- Semua ciptaan oleh pekerja atau pihak ketiga bagi kegunaan Linde mesti diberi perlindungan perundangan yang mencukupi.
- Lesen bagi paten Linde atau pengetahuan mesti dirunding dan diberi hanya dengan koordinasi bahagian perundangan kumpulan dan pengurusan syarikat.
- Setiap pekerja mesti menghormati maklumat sulit kepunyaan orang lain.

CONTOH // Seorang ahli kumpulan anda baru saja menyertai Kumpulan Linde daripada syarikat pesaing. Beliau ingin memberikan anda maklumat pemasaran sulit yang beliau perolehi ketika bekerja dengan pesaing tersebut. Haruskah anda menerima maklumat itu?

→ Jangan! Ini menyalahi Kod Etika. Ahli kumpulan anda ada kewajipan berterusan dengan majikan sebelum ini supaya merahsiakan maklumat sulit. Jika beliau memberikan maklumat itu kepada anda, anda pula mempunyai tanggungjawab untuk melindungi maklumat pesaing dan tidak menggunakannya untuk kepentingan Linde.

CONTOH // Anda baru saja menghantar tawaran perniagaan baru dengan bakal pelanggan baru. Bakal pelanggan tersebut menelefon anda untuk berjumpa. Dalam perjumpaan tersebut, dia memberi anda satu salinan tawaran pesaing terdekat anda untuk perniagaan yang sama dan meminta anda membaiki tawaran anda. Apa yang harus anda lakukan?

→ Hubungi bahagian perundangan anda serta-merta. Anda tidak harus menggunakan maklumat tanpa memeriksa sama ada anda dibenarkan berbuat demikian. Tawaran pesaing anda mungkin sulit, bergantung pada terma dan syarat tawaran. Jika tawaran pesaing adalah sulit, maka adalah salah untuk anda menggunakannya. Anda mungkin, bergantung pada terma dan syarat tawaran, dimestikan untuk mengembalikkan tawaran pesaing kepada pelanggan.

5.4 Melindungi harta benda syarikat

Isu

- Harta benda Linde sama ada dalam bentuk fizikal atau tidak, bertujuan membantu pekerja mencapai matlamat perniagaan.
- Harta benda syarikat yang rosak, dicuri, disalahguna atau dibazirkan memberi kesan buruk kepada kita serta pencapaian pengoperasian dan kewangan Linde.

Panduan

- Harta benda syarikat mesti digunakan untuk tujuan perniagaan yang sah sahaja.
- Pekerja dibenarkan menggunakan sumber syarikat sekali-sekala seperti mesin fotostat atau telefon untuk kegunaan peribadi tertakluk kepada syarat yang tidak ada peningkatan kos yang besar, pekerja lain tidak diganggu atau merasa tidak selesa, dan piawaian Linde yang lain diikuti (peraturan akses IS Linde). Polisi tempatan yang membenarkan sesetengah penggunaan kemudahan Linde dengan ini tidak memberi kesan kepada polisi tersebut.
- Pekerja mesti menggunakan aset Teknologi Maklumat mengikut polisi IS.

CONTOH // Saya mempunyai pengadun simen di rumah dan saya mahu meminjamkannya kepada ayah saya. Bolehkah saya menggunakan lori Kumpulan Linde untuk menghantar pengadun simen kepada ayah?

→ Tidak. Kenderaan Linde (dan insurans kenderaan tersebut) hanya untuk kegunaan perniagaan Linde dan bukan untuk tujuan lain.



Harta benda Linde sama ada dalam bentuk fizikal atau tidak ketara bertujuan membantu kakitangan mencapai matlamat perniagaan.



Linde menyasarkan untuk mewujudkan tempat kerja yang selamat bagi semua pekerjaanya dan membina minat dan kebanggaan di kalangan pekerja supaya mereka merasa bernilai dan mencabar. Linde akan sentiasa berusaha dengan kepercayaan yang kuat, dalam rangka kerja yang sah, dengan kesatuan sekerja atau Majlis Kerja atau badan-badan lain yang dipilih oleh pekerja secara bersama untuk mewakili mereka.

6.

Berurusan dengan pekerja

6.1 Konflik kepentingan

Isu

- Mengelakkan atau menguruskan keadaan di mana kepentingan lain seseorang pekerja mungkin memberi kesan kepada kebolehannya membuat keputusan yang adil bagi pihak syarikat.
- Konflik kepentingan menimbulkan keraguan mengenai kualiti keputusan perniagaan yang dibuat dan ketulusan individu yang membuat keputusan tersebut.

Panduan

- Konflik kepentingan, atau persepsi wujudnya konflik kepentingan mesti dihindari pada setiap masa.
- Jika konflik tidak dapat dielakkan, ianya mesti diurus dengan berhati-hati.
- Setiap pekerja mesti berusaha memberitahu pengurus mereka jika ada apa-apa perbalahan, sama ada seolah-olah atau nyata, dan bekerjasama dengan pengurus untuk berbincang, mendokumenkan dan mengurus konflik tersebut.

CONTOH // Anda di tengah-tengah projek membina tapak baru untuk Kumpulan Linde di negara anda. Seorang sub-kontraktor menarik diri di saat-saat terakhir, dan kerjanya begitu rumit sehingga boleh mengambil masa berbulan-bulan untuk mencari sub-kontraktor baru. Sepupu anda menjalankan syarikat yang dapat melaksanakan kerja ini dengan serta-merta.

Bolehkah anda mengambil syarikat sepupu untuk menyiapkan kerja ini?

→ Jika anda mendapatkan khidmat sepupu anda untuk kerja tersebut, anda boleh dilihat sebagai berat sebelah disebabkan pertalian keluarga untuk memberinya kerja tersebut. Anda seharusnya memberitahu pengurus bahagian mengenai perniagaan sepupu anda dan minta untuk dikecualikan daripada membuat keputusan dalam pengambilan sub-kontraktor baru untuk Linde. Dengan ini, syarikat dapat mengambil keputusan yang adil dan saksama sama ada mendapatkan perkhidmatan sepupu anda atau tidak, dan juga elakkan daripada persepsi konflik kepentingan.

6.2 Rasuah

Isu

- Rasuah merupakan pemberian atau penerimaan oleh sesiapa sahaja apa-apa yang bernilai, secara langsung atau tidak, sebagai ganjaran untuk mendapat kelebihan atau pengaruh yang melanggar prinsip kejujuran dan ketulusan.

Panduan

- Linde tidak akan bertoleransi dengan rasuah dalam apa-apa bentuk dan rupa.
- Pekerja tidak harus memberi atau menerima rasuah dalam apa-apa bentuk, secara langsung atau tidak.
- Pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Linde dilarang memberi atau menerima rasuah secara langsung atau tidak.

CONTOH // Anda mengurus satu akaun yang bakal menjadi pelanggan baru untuk Linde, dan pelanggan meminta anda menaikkan harga tawaran kepadanya sebanyak 100.000 Euro. Beliau kemudian berkata, selepas anda menerima invoice pembayaran untuk memasukkan 100.000 Euro ke akaun bank bernombor di Grand Cayman. Anda bimbang pelanggan tidak akan menyerahkan kontrak kepada anda jika anda enggan berbuat demikian. Apa yang harus anda lakukan?

→ Anda harus menjelaskan dengan cara professional bahawa perbuatan sebegini menyalahi Kod Etika Linde kerana ianya dikira sebagai “kickback” atau rasuah dan juga menyalahi undang-undang.

CONTOH // Anda bertanggungjawab membeli alat keperluan pejabat di bahagian pembelian. Wakil jualan dari syarikat yang selalu anda membuat pembelian daripadanya menawarkan anda sampul surat yang mengandungi 100 dolar Amerika untuk menunjukkan penghargaan terhadap kesetiaan anda membeli daripada syarikatnya. Apa yang harus anda lakukan?

→ Anda harus menolak dengan cara professional sampul surat tersebut. Ini dengan jelas menunjukkan rasuah yang menyalahi undang-undang dan Kod Etika Linde.

6.3 Hadiah dan hiburan

Isu

- Pemberian atau penerimaan hadiah atau hiburan dapat menjalin persefahaman dan muhibah dalam urusan perniagaan harian.
- Ini juga, jika tidak diurus dengan betul, boleh mengurangkan keyakinan dan kepercayaan orang lain terhadap keputusan perniagaan anda dan juga terhadap pengurusan Kumpulan Linde.
- Ini juga boleh dilihat sebagai tidak adil kepada pemegang kepentingan yang lain.

Panduan

- Polisi hadiah dan hiburan mungkin bersesuaian dengan perniagaan, fungsi atau kawasan anda. Anda harus meneliti, dan bertindak dengan mengikuti polisi yang berkaitan dengan anda.

CONTOH // Anda ingin memberi hadiah kecil kepada pelanggan di China sempena Tahun Baru Cina. Adatnya memberi wang tunai dalam sampul merah. Boleh anda berbuat demikian?

→ Lazimnya pemberian wang tunai kepada pegawai kerajaan dikira sebagai menyalahi undang-undang dan Kod Etika Kumpulan Linde. Anda harus pasti, sebelum memberi wang tunai kepada sesiapa sahaja, lebih-lebihnya pegawai kerajaan, bahawa hadiah anda menurut polisi hadiah dan hiburan yang berkaitan dengan perniagaan atau fungsi anda. Jika anda masih keliru selepas membaca polisi yang berkenaan anda boleh menghubungi pengurus anda.

6.4 Perlindungan data

Isu

- Undang-undang mengawal kaedah di mana syarikat dapat mengumpul, mengguna dan mengedar data peribadi kepunyaan pekerja, pelanggan, pembekal dan pihak ketiga yang lain.
- Undang-undang ini, terutamanya di EU (Kesatuan Eropah), mempunyai dasar sekatan jenayah.

Panduan

- Linde bertanggungjawab untuk melindungi data peribadi kepunyaan pekerja, pelanggan, pembekal dan lain-lain.
- Linde hanya akan mengumpul, memproses, menggunakan dan menyimpan data peribadi yang diperlukan untuk operasi berkesan Linde atau yang dikehendaki mengikut undang-undang.

CONTOH // Anda sedang menghabiskan proses alih daya (outsourcing) pangkalan data besar maklumat peribadi pelanggan kepada pembekal luaran. Seorang rakan sekerja anda memberitahu anda mungkin terdapat perlindungan data berkaitan dengan pemindahan sejumlah besar data peribadi ke luar daripada syarikat. Anda tidak mahu menanggungkan pemindahan tersebut. Apa yang harus anda lakukan?

→ Pemindahan data peribadi kepada pihak ketiga mesti diurus dengan teliti. Kumpulan Linde mesti mengikut peraturan perlindungan data dan undang-undang berkaitan dengan pemindahan data sebegini. Tanpa mengira berapa lama penyelesaian kerja anda akan ditangguhkan, anda harus membincangkan keadaan tersebut dengan bahagian perundangan untuk memastikan bahawa data pelanggan dikendalikan dan dilindungi dengan sepatutnya ketika pemindahan sebegini.

6.5 Keselamatan, Kesihatan, Persekitaran dan Kualiti (SHEQ)

Isu

- Visi kita: “Di Kumpulan Linde, kita tidak mahu mencederakan sesiapa atau persekitaran.”
- Keselamatan, kesihatan, penjagaan persekitaran dan kualiti adalah prasyarat untuk sebarang perniagaan yang dijalankan oleh Linde.
- Kita semua bertanggungjawab terhadap SHEQ.
- Pengurus di setiap tahap menunjukkan kepimpinan yang jelas.
- Garis panduan syarikat tertera di dalam polisi SHEQ Kumpulan Linde.

Panduan

- Linde bertanggungjawab untuk membina dan menguruskan persekitaran tempat kerja yang selamat, melindungi dan sihat.
- Tiada keutamaan yang lebih tinggi daripada keselamatan, kesihatan dan juga kesejahteraan pekerja, pelanggan, pembekal dan komuniti tempatan kita.
- Pengendalian baik yang tetap dan peningkatan yang berterusan di bahagian ini adalah matlamat asas syarikat kita dan diikuti sebagai ciri-ciri yang perlu bagi semua proses dan program perniagaan.

CONTOH // Anda diminta menjalankan tugas yang memerlukan anda memakai peralatan perlindungan peribadi. Anda tertinggal peralatan perlindungan peribadi (personal protective equipment, PPE) kepunyaan anda di bangunan lain dan tugas ini adalah hanya tugas kecil sahaja, masa untuk menjalankannya lebih singkat daripada masa untuk mengambil PPE anda. Apa yang harus anda lakukan?

→ Anda mestilah sentiasa memakai PPE anda tanpa mengira betapa susahnya anda rasa. SHEQ adalah 100 % kelakuan kita, 100 % masa kita.

6.6 Hak asasi manusia

Isu

- Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu menerima dan mengisytiharkan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Prinsip teras Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa telah diterima oleh kebanyakan negara dan melambangkan kehendak awam dan antarabangsa.
- Prinsip yang diberi perhatian termasuk:
 - Hak untuk dihormati (Perkara 1)
 - Larangan diskriminasi dan ancaman (Perkara 2)
 - Hak untuk privasi (Perkara 3)
 - Larangan pengabdian atau perhambaan (Perkara 4)
 - Kebebasan berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan (Perkara 20)
 - Hak untuk pembayaran imbuhan yang adil (Perkara 23).

Panduan

- Linde menyokong perlindungan dan perjuangan Hak Asasi Manusia.

CONTOH // Anda mengetahui bahawa pembekal mungkin menggunakan buruh kanak-kanak untuk membina komponen produk perkilangan yang dijual oleh Kumpulan Linde. Apa yang harus anda lakukan?

→ Hubungi pemerolehan kumpulan untuk memaklumkan situasi tersebut dan benarkan mereka menyasiat hal tersebut.

6.7 Berurusan antara satu sama lain

Isu

- Linde adalah syarikat global dengan lebih daripada 50,000 kakitangan dalam 100 negeri.
- Kekuatan Linde adalah kepelbagaian pekerjajnya.
- Undang-undang dan peraturan menetapkan bagaimana Linde harus melayani pekerjajnya di setiap negara yang Linde menjalankan perniagaan.

Panduan

- Linde bertanggungjawab untuk menggalakkan tempat kerja yang selamat dan berasaskan amalan pengambilan kerja yang adil.
- Linde akan menghormati hak-hak dan martabat semua pekerjajnya.
- Linde percaya bahawa setiap pekerja wajar menerima layanan adil, beradab dan tanda hormat.
- Linde tidak akan bertoleransi dalam diskriminasi yang menyalahi undang-undang, penderaan atau ancaman dalam sebarang bentuk.

CONTOH // Anda cuba menggajikan ahli kumpulan yang baru untuk peranan yang memerlukan perjalanan ke sejumlah negara. Calon paling sesuai adalah seorang wanita. Anda tahu di sesetengah negara ahli perniagaan lelaki tidak suka berurusan dengan ahli perniagaan wanita dan ini mungkin memberi kesan kepada perniagaan Linde. Apa yang harus anda lakukan?

→ Anda tidak boleh mengecualikan calon yang paling sesuai kerana jantinya. Ini akan menyalahi undang-undang yang berkenaan dan Kod Etika Linde. Linde akan sentiasa mencari calon paling sesuai untuk setiap peranan.



Linde sangat komited dalam memainkan peranan yang praktikal, membina dan positif di kalangan komuniti ianya beroperasi.

7.

Berurusan dengan komuniti dan masyarakat awam

7.1 Tanggungjawab Korporat

Isu

- Falsafah Tanggungjawab Korporat Linde berdasarkan visi, nilai dan prinsip syarikat: untuk menunjukkan tingkahlaku dan tindakan bertanggungjawab antara satu sama lain, komuniti dan persekitaran.
- Linde mengikuti strategi Tanggungjawab Korporat yang jelas.
- Linde bertindak dengan bertanggungjawab kepada pemegang kepentingannya – dalam setiap Unit Perniagaan Kawasan dan di setiap tapak perniagaan di seluruh dunia.

Panduan

- Linde sangat komited dalam membina teknologi dan produk yang menggabungkan faedah pelanggan dengan keterusan.
- Kita secara aktif menyokong projek pendidikan dan penyelidikan yang berkaitan dengan asas perniagaan kita.
- Kita membuktikan tanggungjawab kita kepada pemegang kepentingan kita dengan kekerapan pengeluaran laporan mengenai Tanggungjawab Korporat.

CONTOH // Anda dihubungi oleh bakal pelanggan yang meminta anda memberi maklumat terperinci mengenai penilaian Tanggungjawab Korporat. Apakah yang harus anda lakukan?

→ Hubungi bahagian kumpulan Tanggungjawab Korporat.

7.2 Kegiatan politik

Isu

- Undang-undang di sesetengah negara dengan tegas menghadkan sumbangan daripada syarikat kepada parti dan calon politik.
- Kepada yang engkar akan dikenakan hukuman yang berat, termasuk denda dan penjara untuk kes individu.

Panduan

- Kakitangan Linde tidak dibenarkan memberi sumbangan politik secara langsung atau tidak kepada calon, pemegang jawatan atau parti politik atas nama Linde kecuali dengan kebenaran bertulis daripada tahap pengurusan yang sepatutnya.

CONTOH // Anda dijemput untuk menghadiri majlis makan malam pengumpulan wang untuk ahli politik tempatan. Tiket anda akan memerlukan bayaran sejumlah wang yang banyak. Apa yang harus anda buat?

→ Kehadiran anda di majlis makan malam itu mungkin dilihat sebagai Kumpulan Linde menyokong ahli politik tersebut. Anda harus berhati-hati dalam penerimaan jemputan sebegini dan bincang dengan pengurus sebelum membayar.

**Diterbitkan oleh &
Maklumat perhubungan**

Linde AG

Klosterhofstrasse 1

80331 Munich

Germany

Telefon +49.89.35757-01

Faks +49.89.35757-1075

www.linde.com